



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Telefon : 603-88832545

Fax : 603-88895542

Ruj. Kami: KKM 87/P1/1/1/3(13)

Tarikh : 16 Ogos 2007

Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Hospital.....

Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL: 7 / 2007,
PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN KLINIK RAWATAN PESAKIT SELEPAS
WAKTU PEJABAT (KRPSWP) DI JABATAN KECEMASAN**

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) di Jabatan Kecemasan hospital-hospital kerajaan yang memenuhi kelayakan iaitu kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam.

2. LATARBELAKANG

Perlaksanaan perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) telah dijalankan mulai bulan Oktober 2002 berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil: 9/2002 yang melibatkan 22 buah hospital di seluruh negara, iaitu hospital yang dikenalpasti mempunyai kedatangan pesakit sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam di Jabatan Kecemasan.

Namun demikian, sejak pelaksanaan pada hari bekerja selama 5 hari seminggu sejak tahun 2005, kajian di Jabatan Kecemasan hospital kerajaan termasuk hospital-hospital selain daripada 22 buah hospital tersebut mendapati bahawa bilangan pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan telah meningkat, terutamanya selepas waktu pejabat dan pada hari minggu dan hari kelepasan am. Peningkatan kedatangan pesakit, khususnya pesakit yang tidak kritikal ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan selepas waktu pejabat, telah memberi kesan terhadap beban kerja dan mutu

perkhidmatan kecemasan yang diberikan oleh Jabatan Kecemasan di hospital-hospital yang terlibat.

Oleh kerana itu, terdapat keperluan bagi memperluaskan lagi perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat di Jabatan Kecemasan kepada hospital-hospital selain daripada 22 buah hospital yang tersenarai. Kelayakan bagi mengadakan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat adalah kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam.

3. KAEDAH PERLAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat adalah selaras dengan garis panduan yang disediakan dan meliputi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Pemilihan hospital
- 3.2 Lokasi klinik
- 3.3 Jenis kes yang dirawat
- 3.4 Waktu klinik
- 3.5 Bayaran insentif kepada pegawai perubatan yang bertugas
- 3.6 Kelayakan pegawai perubatan
- 3.7 Tatacara pendaftaran dan pemilihan pegawai perubatan
- 3.8 Pengesahan menjalankan tugas
- 3.9 Hubungan tugas pegawai perubatan KRPSWP dengan pegawai perubatan kecemasan dalam tugas
- 3.10 Proses tuntutan

4. PEMANTAUAN PERLAKSANAAN GARISPANDUAN

Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Hospital dan Pengarah Kesihatan Negeri untuk memantau pelaksanaan garis panduan ini.

5. TARIKH KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini.
- 5.2 Dengan pendedaran Pekeliling ini, maka PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 9/2002 bertajuk Garispanduan Pelaksanaan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) di Jabatan Kecemasan adalah terbatal dan termansuh dengan sendirinya.

6. TANGGUNGJAWAB

Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada :

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

u.p: Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembedahan dan Kecemasan
Tel: 03-88831159/03-88831157
Fax: 03-88831155

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



.....
TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kesihatan Pergigian

GARISPANDUAN PERLAKSANAAN PERKHIDMATAN KLINIK RAWATAN PESAKIT SELEPAS WAKTU PEJABAT (KRPSWP) DI JABATAN KECEMASAN

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) di Jabatan Kecemasan hospital-hospital kerajaan yang memenuhi kelayakan iaitu kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam.

2. LATARBELAKANG

Perlaksanaan perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) telah dijalankan mulai bulan Oktober 2002 berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil: 9/2002 yang melibatkan 22 buah hospital di seluruh negara, iaitu hospital yang dikenalpasti mempunyai kedatangan pesakit sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam di Jabatan Kecemasan.

Namun demikian, sejak pelaksanaan pada hari bekerja selama 5 hari seminggu sejak tahun 2005, kajian di Jabatan Kecemasan hospital kerajaan termasuk hospital-hospital selain daripada 22 buah hospital tersebut mendapati bahawa bilangan pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan telah meningkat, terutamanya selepas waktu pejabat dan pada hari minggu dan hari kelepasan am. Peningkatan kedatangan pesakit, khususnya pesakit yang tidak kritikal ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan selepas waktu pejabat, telah memberi kesan terhadap beban kerja dan mutu perkhidmatan kecemasan yang diberikan oleh Jabatan Kecemasan.

Oleh kerana itu, terdapat keperluan bagi memperluaskan lagi perkhidmatan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat di Jabatan Kecemasan kepada hospital-hospital selain daripada 22 buah hospital yang tersenarai. Kelayakan bagi mengadakan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat adalah kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam. Dengan adanya KRPSWP ini, kes-kes tidak kritikal akan mendapat rawatan yang diperlukan seterusnya mengurangkan beban kerja di Jabatan Kecemasan.

3. GARISPANDUAN PERLAKSANAAN KLINIK RAWATAN PESAKIT SELEPAS WAKTU PEJABAT

3.1 Pemilihan hospital

Pengarah Kesihatan Negeri boleh menggunakan budi bicara untuk memilih hospital yang layak menjalankan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat iaitu kedatangan pesakit harian di jabatan kecemasan sekurang-kurangnya 100 orang dalam masa 24 jam.

3.2 Lokasi

KRPSWP boleh diadakan di hospital yang mempunyai kadar purata kedatangan harian di jabatan kecemasan sekurang-kurangnya seramai 100 pesakit dalam 24 jam. Klinik tersebut hendaklah ditempatkan di jabatan kecemasan atau tempat yang berhampiran dengan jabatan kecemasan bagi memudahkan penyeliaan oleh Jabatan Kecemasan.. Jumlah pegawai perubatan yang diperlukan bagi menjalankan klinik berkenaan bergantung kepada purata kedatangan pesakit harian yang tidak kritikal di jabatan kecemasan.

3.3 Jenis kes yang dirawat

Kes-kes yang dikendalikan oleh klinik ini terdiri dari kes-kes yang tidak kritikal, tertakluk kepada garis panduan sistem *triage* jabatan kecemasan hospital-hospital kerajaan. Walaubagaimanapun bagi kes-kes yang tidak kritikal yang melibatkan banduan, tahanan polis, keperluan rawatan di pusat rawatan sepadu (OSCC) dan mana-mana kes berunsur perundangan (*medico-legal*) akan dilihat oleh pegawai perubatan kecemasan.

3.4 Waktu klinik

Waktu Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat adalah di antara jam 5 petang hingga 12 malam pada hari bekerja dan 8 pagi hingga 12 malam pada hari minggu dan hari kelepasan am. Walaubagaimanapun, Pengarah Hospital boleh menggunakan budi bicara untuk menentukan waktu klinik, bilangan syif dan bilangan pegawai perubatan yang bertugas setiap syif yang bersesuaian dengan keadaan setempat dan jumlah kedatangan pesakit.

Sebolehnya setiap syif di kendalikan oleh pegawai-pegawai perubatan yang berlainan kecuali di dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- i. Kekurangan pegawai perubatan yang memohon menjalankan tugas klinik.
- ii. Pegawai yang di jadualkan tidak hadir.

3.5 Bayaran insentif kepada pegawai perubatan yang bertugas

Kadar bayaran semasa adalah RM 30 sejam (tertakluk kepada pindaan semasa yang diluluskan oleh Perbendaharaan)

3.6 Kelayakan pegawai perubatan

Pegawai perubatan yang dibenarkan menjalankan tugas di KRPSWP adalah seperti berikut

- i. Berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan di bawah skim Pegawai Perubatan secara hakiki
- ii. Tidak dalam tugas rasmi yang lain samada bertugas dalam panggilan atau syif semasa mengendalikan klinik tersebut.

- iii. Keutamaan akan diberi kepada pegawai perubatan yang telah menjalani kesemua penempatan kepakaran asas.
- iv. Mendapat kelulusan ketua jabatan masing-masing.
- v. Pegawai perubatan dari klinik-klinik kesihatan diwajibkan menjalankan tugas di klinik rawatan pesakit selepas waktu pejabat secara bergilir seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 4 / 2005.

3.7 Tatacara pendaftaran dan pemilihan

3.7.1 Pendaftaran

Pegawai perubatan yang berminat hendaklah mendaftarkan nama mereka dan memaklumkan waktu klinik yang boleh dikendalikan oleh mereka kepada Pegawai Perubatan Yang Menjaga Jabatan Kecemasan menggunakan borang pendaftaran seperti di Lampiran 1. Setiap pegawai perubatan hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing sebelum mendaftarkan diri. Bagi pegawai perubatan yang bertugas di klinik-klinik Kesihatan mereka diwajibkan bertugas secara bergilir dan jadual tugas mereka hendaklah disediakan oleh Pegawai Kesihatan Daerah dan dimaklumkan kepada Pegawai Perubatan Yang Menjaga Jabatan Kecemasan.

3.7.2 Pemilihan pegawai perubatan

Jadual tugas akan disediakan oleh Pegawai Perubatan yang menyelia jabatan kecemasan. Senarai pendaftaran pegawai perubatan dan jadual tugas akan di semak oleh Ketua Jabatan Kecemasan sebelum ianya diedarkan. Jadual ini kemudian akan diedarkan kepada pegawai yang terlibat. Sebarang pertukaran jadual perlulah dimaklumkan kepada Pegawai Perubatan yang menjaga Jabatan Kecemasan dalam masa yang berpatutan.

3.8 Pengesahan menjalankan tugas

Kad perakam waktu yang sedia ada hendaklah digunakan sebagai pengesahan yang pegawai tersebut menjalankan tugas di klinik rawatan pesakit selepas waktu pejabat. Pegawai berkenaan hendaklah mengetip kad perakam waktu sebelum dan selepas menjalankan tugas.

3.9 Hubungan tugas pegawai perubatan KRPSWP dengan pegawai perubatan kecemasan dalam tugas

3.9.1 Tugas pegawai perubatan yang mengendalikan KRPSWP adalah seperti berikut:

- i. Memberi rawatan kepada semua kes-kes tidak kritikal seperti demam ringan, batuk, selsema, cirit-birit dan lain-lain melainkan kes-kes perundangan, kes-kes jenayah

dan kes-kes pusat rawatan sepadu(OSCC) seperti yang telah dinyatakan dalam perkara 3.2

- ii. Membantu jika diminta oleh pegawai perubatan kecemasan untuk melihat kes kecemasan didalam keadaan tertentu seperti semasa “mass casualty incident”.

3.9.2 Makmal

Untuk tujuan ujikaji, makmal biokimia hospital yang terlibat boleh digunakan untuk membantu proses rawatan kepada pesakit bergantung kepada kemudahan di hospital terlibat.

3.9.3 Farmasi

Untuk bekalan ubat, farmasi di jabatan kecemasan boleh digunakan untuk para pesakit mendapatkan ubat-ubatan yang berkenaan bergantung kepada kemudahan di hospital terlibat.

3.10 Proses tuntutan

Untuk tujuan menuntut elaun kerja selepas waktu pejabat, perkara-perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada ketua jabatan kecemasan untuk pengesahan. Perkara-perkara tersebut adalah:

- i. Salinan fotostat kad perakam waktu
- ii. Jadual senarai tugas di KRPSWP
- iii. Borang tuntutan elaun kerja selepas waktu pejabat

Semua tuntutan perlu dirujuk kepada Pengarah Hospital untuk kelulusan seperti proses tuntutan lain.

4. PEMANTAUAN PERLAKSANAAN GARISPANDUAN

Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri untuk memantau pelaksanaan garispanduan ini.

5. TARIKH KUATKUASA DAN PEMBATALAN

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5.2 Dengan pengedaran Pekeliling ini, maka PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 9/2002 bertajuk Garispanduan Pelaksanaan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) di Jabatan Kecemasan adalah terbatal dan termansuh dengan sendirinya.

6. TANGGUNGJAWAB

Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada :

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

u.p: Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembedahan dan Kecemasan
Tel: 03-88831159/03-88831157
Fax: 03-88831155